KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **12 Jun 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 12/6/2026
M/SURAT: 15

# KPDN rampas mesin terapi kulit tiruan bernilai tinggi dalam serbuan klinik estetik



*Mesin terapi kulit berteknologi tinggi serta 25 unit transduser dipercayai tiruan dirampas dalam serbuan di sebuah klinik estetik di ibu negara, baru-baru ini.*

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas sebuah mesin terapi kulit berteknologi tinggi yang dipercayai tiruan bersama 25 unit *transduser* dalam satu serbuan ke atas sebuah klinik estetik di ibu negara, baru-baru ini.

Mesin berkenaan dipercayai meniru peranti Ultherapy PRIME® yang digunakan dalam rawatan estetik bukan invasif, dengan nilai sebuah unit peranti asli mencecah RM366,000.

Serbuan itu dilaksanakan oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDN susulan siasatan yang dimulakan selepas Merz Aesthetics menerima laporan daripada seorang pesakit pada Ogos tahun lalu berkaitan rawatan Ultherapy PRIME® yang ditawarkan oleh klinik terbabit.

Menurut Merz Aesthetics, semakan rekod mendapati klinik berkenaan tidak pernah membeli peranti Ultherapy PRIME® daripada Ulthera Inc., syarikat sekutunya, atau mana-mana pengedar sah di Malaysia.

Siasatan lanjut turut mendapati akaun Instagram klinik berkenaan mendakwa ia adalah cawangan sebuah hospital di Shanghai, China.

"Susulan laporan yang diterima, siasatan menyeluruh dimulakan sekitar Oktober 2025 sebelum serbuan dilakukan.

"Hasil pemeriksaan mengesahkan bahawa klinik berkenaan menggunakan peranti Ultherapy PRIME® tiruan," menurut Merz Aesthetics.

Menurut syarikat itu, Ultherapy PRIME® adalah rawatan bukan invasif yang menggunakan teknologi ultrasound mikrofokus dengan visualisasi masa nyata, membolehkan doktor melihat lapisan kulit dan menyalurkan tenaga secara tepat ke kawasan sasaran.

"Teknologi itu direka untuk membantu mengangkat serta menegangkan kulit melalui rangsangan penghasilan kolagen tanpa memerlukan pembedahan atau tempoh pemulihan yang panjang," katanya.

Merz Aesthetics turut menegaskan, penggunaan peranti tiruan atau yang tidak mendapatkan kelulusan boleh menjejaskan keselamatan pesakit, selain memberi kesan terhadap keberkesanan rawatan serta hasil klinikal yang diharapkan.

Sehubungan itu, syarikat berkenaan merakamkan penghargaan kepada KPDN atas tindakan pantas dalam membanteras penggunaan peranti tiruan serta melindungi kepentingan pengguna.

Pada masa sama, orang ramai dinasihatkan supaya mendapatkan rawatan hanya daripada penyedia perkhidmatan yang diperakui dan mampu mengemukakan Sijil Ketulenan Ultherapy PRIME® yang sah.

Pesakit juga boleh menyemak senarai klinik yang diperakui bagi menawarkan rawatan Ultherapy PRIME® tulen melalui laman sesawang rasmi program berkenaan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT
TARIKH: 12/6/2026
M/SURAT: 2

# KPDN merampas lebih empat tan tepung, gula

Oleh Hamzah Sanudin



RAMPAS: Antara barang kawalan yang dirampas dalam operasi berkenaan.

**SEMPORNA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Semporna merampas lebih empat tan barang kawalan bersubsidi bernilai RM13,137.28 menerusi Ops Tiris 4.0 (Bersepadu) di daerah ini, semalam.

Rampasan itu membabitkan 3,979.8 kilogram tepung gandum pelbagai jenama dan 1,128 kilogram gula pasir kasar yang disimpan di sebuah premis tidak dilesenkan atau dibenarkan oleh Pengawal Bekalan.

KPDN Sabah dalam kenyataannya berkata, kes berkenaan adalah hasil serahan daripada Batalion 22 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kunak yang menjalankan operasi di sekitar Pekan Semporna, semalam.

Menurutnya, sitaan membabitkan 59 kotak Tepung Gandum Cap Kuda seberat 590 kilogram, 249 kotak Tepung Gandum Cap Lili seberat 2,539.8 kilogram dan 34 karung Tepung Gandum Cap Kuda seberat 850 kilogram.

"Turut dirampas 47 bundle gula pasir kasar jenama Prai seberat 1,128 kilogram yang ditemui disimpan di dalam sebuah premis yang tidak mempunyai lesen atau kebenaran daripada Pengawal Bekalan.

"Dalam operasi itu, seorang lelaki tempatan turut ditahan bagi membantu siasatan," menurut kenyataan itu.

KPDN berkata, susulan rampasan berkenaan, satu kertas siasatan dibuka mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk tindakan lanjut.

Menurutnya, pihaknya memandang serius sebarang aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi dan akan terus mempergiat tindakan penguatkuasaan bagi memastikan bekalan barangan keperluan sampai kepada golongan yang layak.

"KPDN memberi amaran keras kepada mana-mana individu atau syarikat supaya sentiasa mematuhi peruntukan undang-undang yang ditetapkan.

"Mereka yang didapati melakukan kesalahan boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122]," katanya.

Bagi individu, katanya, jika disabitkan kesalahan, mereka boleh didenda sehingga RM1 juta bagi kesalahan pertama dan sehingga RM3 juta bagi kesalahan berikutnya, atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Syarikat pula boleh dikenakan denda sehingga RM2 juta bagi kesalahan pertama dan sehingga RM5 juta bagi kesalahan berikutnya," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 12/6/2026
M/SURAT: 22

# Restoran hidang patin liar kukus RM900 patuhi peraturan

**KUANTAN** - Sebuah restoran di Genting Highlands yang menyediakan hidangan ikan patin kukus berharga lebih RM900 sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati pelanggan dari Singapura pada Mac lalu didapati mematuhi kadar keuntungan yang dibenarkan bagi hidangan tersebut.



CHON SIANG

Exco Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang, Sim Chon Siang berkata, siasatan dan analisis Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pahang terhadap dokumen berkaitan mendapati tiada unsur pencatutan atau keuntungan tidak munasabah seperti didakwa.

Menurutnya, analisis awal pencatutan ke atas restoran di Taman Gohtong Jaya itu dilakukan dengan mengambil kira formula asas keuntungan yang dibenarkan pada tahun semasa.

"Kadar harga RM338 sekilogram yang dikenakan bagi hidangan ikan patin seberat 2.7 kilogram itu didapati masih di bawah peratus keuntungan maksimum yang dibenarkan.

"Hasil pemeriksaan yang dijalankan menunjukkan harga hidangan telah dinyatakan dengan jelas dalam menu iaitu RM33.80 bagi setiap 100 gram," katanya pada sidang akhbar di sini pada Khamis.

Turut hadir Pengarah KPDN Pahang, Jezlily Jamaluddin.

Chon Siang berkata, susulan kontroversi itu, KPDN Pahang telah menyerahkan notis bertulis pada 4 April lalu kepada premis makanan tersebut.

Isu itu tercetus selepas 13 pelancong dari Singapura mendakwa dikenakan bayaran lebih RM900 untuk hidangan ikan sungai liar berkenaan.

Perkara itu turut mendapat liputan meluas media Singapura.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995
HARI: JUMAAT
TARIKH: 12/6/2026
M/SURAT: 16

# 涉案价值超 10 万令吉
# 斗湖破滥用补贴柴油案逮 2 人

（斗湖 10 日讯）斗湖警方在"漏油行动"（Op Tiris）中成功侦破一起涉嫌滥用补贴柴油案件，逮捕两名本地男子，并起获总值约 10 万 1670 令吉的柴油、交通工具及相关设备。

斗湖警区主任拿督贾斯敏胡欣助理总监表示，这项行动是由斯里英达镇警局联合斗湖警区总部内部安全与公共秩序组（KDNKA）特别行动队展开，并于斯里英达镇第二期商业区店屋前进行突击检查。

他说，警方是根据情报展开行动，锁定一个涉嫌从事补贴柴油非法交易及转运活动的地点。

"警方在现场检查后，逮捕两名年龄介于 38 岁至 53 岁的本地男子。他们涉嫌运送及持有补贴柴油，但无法出示任何合法准证或相关文件。"

警方进一步搜查后，起获一辆日产（Nissan Condor）罗里、一辆三菱扶桑（Mitsubishi Fuso）保税罗里（bonded lorry）、3 个装有约 600 公升补贴柴油的油桶，以及一条橡胶输油管、一台抽油泵、一台数码油量计，还有多把车辆钥匙及货车箱锁头钥匙。

贾斯敏指出，所有被扣押物品总值约 10 万 1670 令吉。

他说，案件及所有充公物品已移交国内贸易及生活成本部（KPDN）斗湖分局作进一步调查与处理。

"两名嫌犯将援引《1961 年供应控制法令》第 21 条文接受调查，涉嫌在没有合法执照或准证的情况下，非法持有及转运补贴柴油。"

警方强调，将持续加强执法行动，严厉打击任何涉及补贴品走私、滥用或牟取暴利的违法活动，以确保政府补贴惠及真正有需要的群体，并维护国家经济利益。（18#）




斗湖警方在"漏油行动"（Op Tiris）中成功侦破一起涉嫌滥用补贴柴油案件，逮捕两名本地男子，并起获总值约 10 万 1670 令吉的柴油、交通工具及相关设备。（18D）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: JUMAAT
TARIKH: 12/6/2026
M/SURAT: 3



甲内贸局日前在巴也隆布工业区展开"纰漏行动4.0"，起获总值10万6000令吉的柴油及设备，以及逮捕两人。（甲内贸局提供）

# 內貿局突擊工業區捕2人
# 起6000公升走私柴油

（马六甲11日讯）马六甲国内贸易及生活成本局日前在巴也隆布工业区展开"纰漏行动4.0"（Op Tiris 4.0），现场查获6000公升走私柴油，同时起获总值10万6000令吉的柴油及设备，以及逮捕2人。

## 加大力度 打击管制商品流通

甲州内贸局局长莫哈末哈兹敏指出，该局持续加大力度打击管制商品流通，通过坚定不移的执法行动，保护消费者利益和国家经济稳定。

他发文告说，执法人员于6月10日晚上9时展开了一次精心策划的情报和监控行动，突击位于巴也隆布中小型工业区的一间无招牌单位，经调查证实是非法储存和销售柴油的窝点。



执法组主任诺海来检查检查亭内内的设备。（甲内贸局提供）

他说，经现场进一步检查，突击队查获约6000公升疑似柴油以及用于非法活动的各种设备。其他被查获的物品包括一辆罗里、一个额外的油罐（3000公升）、2个滑橇式油罐、2张加油卡、数个加油泵、一个流量计以及约6450令吉现金。



执法人员检查罗里内的物品。（甲内贸局提供）

他补充，这次行动一共查获的物品总价值估计为10万6345令吉。

他说，当局也在行动中扣留2名男嫌犯，其中一人是40岁的本地公民，另一人则是40岁的孟加拉人。

莫哈末哈兹敏说，当局援引1961年供应管制法令展开调查，因为此举已违反1974年供应管制条规第 21(1)条文，即在未持有供应管制局主任颁发的有效许可证的情况下，进行任何管制商品（柴油）的批发、零售或制造交易。

## 勿违法操纵管制商品

他说，甲内贸局严正警告任何个人或公司，切勿在未持有有效许可证的情况下操纵、转移或处理管制商品。

他补充，"纰漏行动4.0"主要目标是确保彻底遏制国家补贴的流失，并将对任何违法者采取严厉且毫不妥协的行动。

他说，消费者也应积极向内贸局举报与贸易和消费者权益相关的违法行为，成为其耳目。如有任何疑问或需投诉可前往甲州内贸局，或通过以下管道反映：

1 WhatsApp 019-848 8000
2 e-aduan@kpdn.gov.my网站
3 客服中心电话：1 800 886 800
4 使用Ez Adu KPDN智能手机应用程式
5 联系执法指挥中心(ECC)，电话：06-234 5869（上午8时至下午6时）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: JUMAAT
TARIKH: 12/6/2026
M/SURAT: 1


## 內貿局突擊拿乞冰糖加工廠

# 揭非法囤680公升柴油

（怡保11日讯）一家位于拿乞工业区的冰糖加工厂涉嫌非法储存津贴柴油，遭霹雳州国内贸易及生活费局揭发，并当场充公有关柴油。

霹州内贸局局长拿督卡马鲁丁今天发文告表示，当局在今早11时30分展开"补漏行动4.0"（OPS TIRIS 4.0）联合执法，参与单位包括霹雳州移民局、近打县卫生局、怡保市政厅及霹雳州公司委员会。

"执法人员检查发现，厂房内存有680公升受管制柴油。厂主告知，有关柴油是供工厂运作用途，但无法出示合法储存受管制品的文件。执法人员随即充公该批柴油、4个油桶及相关文件，所充公柴油价值约3260令吉。"

此案将在1961年供应管制法令及1974年供应管制条例下展开调查；一旦定罪，个人将面对不超过100万令吉罚款，或监禁长达3年，或两者兼施。

### 吁民众当耳目举报违法行为

至于公司或机构违反1961年供应管制法令，可被判罚款不超过200万令吉，重犯者可被罚款不超过500万令吉。

卡马鲁丁呼吁民众继续成为当局的耳目，如掌握任何信息，尤其是涉及统制品和津贴品的违规行为，应予以举报。民众可向附近的国内贸易及生活费局投报，或通过以下方式举报：WhatsApp（019-848 8000）、网站（http://e-aduan@kpdn.gov.my）、热线（1-800-886-800）、电邮（e-aduan@kpdn.gov.my）或手机应用程式Ez Adu KPDN。



卡马鲁丁（右一）向厂房人员了解情况。（霹州内贸局提供）




执法人员把充公柴油搬上罗里载走。（霹州内贸局提供）



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: JUMAAT
TARIKH: 12/6/2026
M/SURAT: 1

# 確保商家守法 內貿局視察商店油站

（美里11日讯）美里内贸局执法人员视察美里市内各商店和油站，以确保商家奉公守法，严格遵守各项法令。

执法人员除了检查日常基本生活必需品的存货和价格，也特别留意商店售卖近期因制水消息需求量激增的瓶装水价格和存货。美里内贸局人员也到油站视察柴油销售情况，以确保津贴柴油没有被滥用。

美里内贸局促请民众举报违例行为，可透过官网（e-aduan.kpdn.gov.my）进行线上投报、或WhatsApp（http://wa.me/60198488000）或联系美里内贸局（085-442266）做出投报。



美里内贸局执法人员视察油站以监督柴油销售情况。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報 CHINA PRESS

HARI: JUMAAT

TARIKH: 12/6/2026

M/SURAT: 1

# 非法囤680公升柴油
# 工廠可被罰500萬



■卡马鲁丁（中）率队到冰糖加工厂取缔。

（怡保11日讯）一间冰糖加工厂涉非法囤积受管制柴油，遭霹州国内贸易及生活成本局扣查680公升柴油及相关物品。

霹雳州国内贸易及生活成本部执法人员，今日上午11时30分，联同霹雳州移民局、近打县卫生局、怡保市政厅及霹雳州马来西亚公司委员会，前往位于拿乞孟加兰工业区的冰糖加工厂，展开"漏网行动4.0"（Ops Tiris 4.0）联合行动。

国内贸易及生活成本局霹雳州主任拿督卡马鲁丁发文指出，执法人员在该工厂内发现存放统制品，即约680公升柴油，工厂声称有关柴油是供个人及工厂日常运作用途。

他说，由于该工厂无法出示由大马供应统制官发出的合法准证或相关文件，当局随即扣查约680公升疑似柴油的液体、4个桶装容器及相关文件，物品总值约3260令吉。

他指出，当局将援引1961年统制品法令及1974年统制品条例调查此案；一旦罪成，个人违例者可被判罚款不超过100万令吉，或监禁不超过3年，或两者兼施。至于公司或法人机构，首次罪成可被判罚款不超过200万令吉，重犯者则可被判罚款不超过500万令吉。

他呼吁民众充当国贸局的耳目，可透过邻近的国贸局办事处提交相关情报，亦可利用多个举报管道，包括WhatsApp（019-848 8000）、电邮e-aduan@kpdn.gov.my、国贸局热线中心（1-800-886-800），以及手机应用程式Ez Adu KPDN投诉。



■工厂内非法囤积受管制柴油，作为个人及工厂日常运作用途。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 12 JUN 2026 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 12-Jun | KPDNHEP rekod 329 kes berkaitan barangan tiruan tahun lalu | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/06/1368305/kpdnhep-rekod-329-kes-berkaitan-barangan-tiruan-tahun-lalu | HARIAN METRO |
| 12-Jun | Ops Tiris 4.0: 153 kes seleweng petrol bersubsidi, hampir 69,000 liter | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2026/06/1570062/ops-tiris-40-153-kes-seleweng-petrol-bersubsidi-hampir- | BERITA HARIAN |
| 12-Jun | KPDN Perak sita 680 liter diesel di kilang gula batu | https://www.kosmo.com.my/2026/06/11/kpdn-perak-sita-680-liter-diesel-di-kilang-gula- | KOSMO |
| 12-Jun | Influencer Buat Aduan Isu Caj Parkir LTCP KLIA, KPDN Ambil Tindakan Kepada MAHB | https://thevocket.com/influencer-kpdn-ambil-tindakan-mahb/ | THE VOCKET |
| 12-Jun | Satu Kemenangan Besar Hak Pengguna, Influencer Buat Aduan Isu Caj Parkir LTCP KLIA, KPDN Ambil Tindakan Kepada MAHB | https://www.koolfm.audio/satu-kemenangan-besar-hak-pengguna-influencer-buat-aduan-isu-caj-parkir-ltcp-klia-kpdn-ambil-tindakan-kepada-mahb/ | KOOLFM |
| 12-Jun | Penguatkuasaan tegas, kawal selia mesra perniagaan penting banteras manipulasi pasaran | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/06/1570072/penguatkuasaan-tegas-kawal-selia-mesra-perniagaan-penting- | BERITA HARIAN |
| 12-Jun | KPDN seizes 2,100 litres of diesel in Labuan raid | https://www.dailyexpress.com.my/news/282838/kpdn-seizes-2-100-litres-of-diesel-in-labuan-raid/ | DAILY EXPRESS |
| 12-Jun | Stesen minyak haram diserbu, 6,000 liter diesel dirampas | https://www.utusan.com.my/nasional/2026/06/stesen-minyak-haram-diserbu-6000-liter-diesel-dirampas/ | UTUSAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 12-Jun | KPDN Melaka tumpaskan port simpan jual diesel haram | https://www.melakahariini.my/kpdn-melaka-tumpaskan-port-simpan-jual-diesel-haram/ | MELAKA HARI INI |
| 12-Jun | Op Tiris 4.0: Melaka KPDN seizes 6,000 litres of diesel | https://themalaysianreserve.com/2026/06/11/op-tiris-4-0-melaka-kpdn-seizes-6000-litres-of-diesel/ | THE MALAYSIAN RESERVE |
| 12-Jun | KPDN seizes 6,000 litres of diesel in Melaka raid under Op Tiris 4.0 over suspected subsidy diversion | https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2026/06/11/kpdn-seizes-6000-litres-of-diesel-in-melaka-raid-under-op-tiris-40-over-suspected-subsidy-diversion/223404 | MALAYMAIL |
| 12-Jun | KPDN seizes 6,000 litres of diesel in Melaka raid | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2567414 | BERNAMA |
| 12-Jun | Restoran jual hidangan ikan patin liar RM900 patuhi keuntungan dibenarkan - Exco | https://www.sinarharian.com.my/article/783392/edisi/pahang/restoran-jual-hidangan-ikan-patin-liar-rm900-patuhi-keuntungan-dibenarkan---exco | SINAR HARIAN |
| 12-Jun | Tiada unsur pencatutan harga patin buah di Genting Highlands | https://malaysiagazette.com/2026/06/11/tiada-unsur-pencatutan-harga-patin- | MALAYSIA GAZETTE |
| 12-Jun | Restoran caj menu ikan patin kukus lebih RM900 tak lakukan kesalahan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/06/1570285/restoran-caj-menu-ikan-patin-kukus-lebih-rm900-tak-lakukan- | BERITA HARIAN |
| 12-Jun | Restoran caj patin kukus melebihi RM900 tidak lakukan kesalahan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/06/1368565/restoran-caj-patin-kukus-melebihi-rm900-tidak-lakukan-kesalahan | HARIAN METRO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 12-Jun | Consumer complaint leads to fine for Labuan restaurant operator over price tag failure | https://www.labuantimes.com.my/2026/06/11/consumer-complaint-leads-to-fine-for-labuan-restaurant-operator-over-price- | LABUAN TIMES |
| 12-Jun | Authorities find no wrongdoing in RM900 steamed patin fish charge | https://www.cincainews.com/news/malaysia/2026/06/11/authorities-find-no-wrongdoing-in-rm900-steamed-patin-fish- | CINCAI NEWS |
| 12-Jun | Lelaki ditahan, KPDN sita lebih empat tan tepung dan gula bersubsidi | https://sabahkini2.co/en/news/7817/lelaki-ditahan-kpdn-sita-lebih-empat-tan-tepung-dan-gula-bersubsidi/view | SABAH KINI |
| 12-Jun | KPDN sita 680 liter diesel di kilang gula batu | https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/kpdn-sita-680-liter-diesel-di-kilang-gula-batu/ | RTM |
| 12-Jun | Krisis bekalan global: Kerajaan pastikan keperluan rakyat mencukupi | https://www.sinarharian.com.my/article/783423/berita/nasional/krisis-bekalan-global-kerajaan-pastikan-keperluan-rakyat- | SINAR HARIAN |
| 12-Jun | Krisis bekalan global: Kerajaan pastikan keperluan rakyat mencukupi | https://www.malay.news/krisis-bekalan-global-kerajaan-pastikan-keperluan-rakyat-mencukupi/ | MALAY NEWS |
| 12-Jun | Government ensures sufficient supply amid global supply crisis | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2567495 | BERNAMA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT